Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 6, e001539
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1539

Penderaan Kanak-kanak dan Tatacara Intervensi

(Child Abuse and Intervention Procedure)

Lia Nazia Naziera Hasanuddin[1], Nor Shafrin Ahmad[2*]

[1]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: naziahasanuddin@gmail.com
[2]Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: sham@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nor Shafrin Ahmad
(sham@usm.my)

KATA KUNCI:
Penderaan seksual
Penderaan kanak-kanak
COVID-19

KEYWORDS:
Sexual abuse
Child abuse
COVID-19

CITATION:
Lia Nazia Naziera Hasanuddin & Nor Shafrin Ahmad. (2022). Penderaan Kanak-kanak dan Tatacara Intervensi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(6), e001539. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1539

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka punca penderaan kanak-kanak yang berlaku sepanjang pandemik melanda negara serta tatacara intervensi bagi kaunselor membantu mangsa penderaan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bersama pegawai penyiasat bahagian siasatan seksual wanita dan kanak-kanak. Data dianalisis secara analisis tematik bagi menjawab objektif kajian. Keputusan mendapati kes rogol yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun lebih tinggi iaitu 149 berbanding kes penderaan lain iaitu 69 pada tahun 2020 dan 2021. Punca kepada perkara tersebut adalah disebabkan sifat kanak-kanak yang tidak berdaya untuk melawan pendera dan seterusnya sikap ibu bapa yang melepaskan rasa tertekan dan geram terhadap anak mereka berikutan dengan masalah kewangan menyebabkan kepada penderaan fizikal. Selain itu, tingkah laku kanak-kanak yang suka memberontak dan tidak hadir ke kelas PdPR juga merupakan salah satu faktor kes penderaan berlaku sepanjang tempoh pandemik ini. Manakala bagi kes hubungan seksual dalam kalangan kanak-kanak berlaku kerana mereka banyak menghabiskan masa di luar rumah dan tidak hadir ke kelas PdPR. Kanak-kanak yang merupakan murid di sekolah menengah juga perlu bekerja sebagai penunggang Grab Food atau Food Panda untuk menyara keluarga masing-masing semasa pandemik. Tatacara intervensi bermula dengan penaksiran kepada keterukan (*severity*) dan intensiti kes. Penaksiran yang dibuat akan menentukan sama ada proses seterusnya dirujuk kepada pihak polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Demi kesejahteraan kanak-kanak, isu penderaan ini perlu tindakan serius daripada semua pihak dan tidak hanya terletak di bahu pihak penguat kuasa dan pelindung sahaja.

ABSTRACT

This study aims to explore the causes of child abuse that occurred during the pandemic as well as the intervention procedures for the counselors to help victims of such abuse

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

based on the relevant situations. This study used a semi-structured interview method with the investigating officer of women and children sexual investigation department. The data were analysed by thematic analysis in answering the study objectives. The results found that rape cases involving children under the age of 18 were higher at 149 cases compared to abuse cases at 69 cases in 2020 and 2021. This is due to the nature of children who are powerless and parents' behaviour who released their anger and resentment towards their children due to the financial problems that lead to physical abuse. In addition, the rebellious children and not attending the home-based Learning and Teaching (PdPR) classes is also one of the factors of abuse cases. As for the sexual activity among children, it happened because they spent a lot of time hanging out with friends or working independently as Grab Food or Food Panda riders to support their families. The intervention procedure begins with an assessment of the severity and intensity of the case. The assessment will determine whether the next process is referred to the police or the Social Welfare Department (JKM). For the sake of the well-being of children, this issue needs a serious action from all parties and not just rely on the law enforcement and NGOs.

Sumbangan/Keaslian: Dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada literatur terutama dari aspek intervensi, proses atau tatacara untuk seorang kaunselor mengendalikan kes-kes yang melibatkan penderaan kanak-kanak. Prosedur dan tatacara ini bergantung kepada keterukan dan intensiti kes yang akan menentukan proses seterusnya sama ada dirujuk kepada pihak polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.

1. Pengenalan

Dewasa ini, masalah sosial seperti penderaan kanak-kanak semakin kerap berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia dan kadar peningkatan kes tersebut berada pada tahap yang membimbangkan (Alavi, Aizan Sofia, Subhi, Mohamad & Sarnon, 2012). Menurut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, penderaan kanak-kanak dapat didefinisikan sebagai satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak yang berisiko untuk memberi kesan terhadap kelangsungan hidup mereka dan perkembangan dalam keadaan yang sihat dan bermaruah. Malah, dasar tersebut menggariskan bahawa penderaan dapat dikategorikan kepada empat jenis iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual dan pengabaian. Menurut Akta Kanak-Kanak (2001), penderaan fizikal melibatkan kecederaan terhadap kanak-kanak yang dapat dilihat melalui mana-mana bahagian tubuh yang berlaku akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan (Akta Kanak-kanak, 2001). Manakala bagi penderaan emosi adalah apabila fungsi mental atau emosi kanak-kanak dicederakan yang mengakibatkan kecelaruan mental, keresahan atau kemurungan (Akta Kanak-Kanak, 2001). Bagi penderaan seksual pula adalah apabila kanak-kanak mengambil bahagian sama ada sebagai peserta atau pemerhati dalam apa-apa aktiviti berunsur seks atau eksploitasi seks oleh mana-mana individu bagi memuaskan nafsunya atau orang lain (Akta Kanak-kanak, 2001).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Sorotan Literatur

Seterusnya, umum mengetahui bahawa pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara di dunia ini telah memberi kesan yang amat dahsyat terhadap masyarakat terutamanya dari segi kesihatan, mental dan kewangan (Nor Hamizah & Abdul Rashid, 2020). Malah, perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak juga antara yang menerima tempias daripada pandemik ini kerana garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk mengekalkan penjarakan sosial telah menghalang kanak-kanak untuk berinteraksi dengan orang luar dan mereka diarahkan untuk tidak keluar rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berikutan daripada hal itu, kajian yang dilakukan oleh Ghosh, Dubey, Chatterjee dan Dubey (2020) mendapati masalah sosial yang melibatkan pengabaian, eksploitasi serta penderaan kanak-kanak meningkat secara mendadak semasa penularan wabak dan perintah kawalan COVID-19. Hasil dapatan tersebut mendapati penderaan kanak-kanak berlaku disebabkan kerisauan ibu bapa terhadap kewangan dan kesihatan yang menyebabkan mereka tertekan berada di rumah bersama kanak-kanak manakala kes pengabaian pula berlaku terhadap kanak-kanak yang ibu bapanya merupakan *frontliners* yang menyebabkan mereka kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa sepanjang pandemik melanda. Dapatan ini turut selari dengan kajian Alavi et al. (2012) yang mendapati faktor sosio-ekonomi turut merupakan punca berlakunya penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana keluarga dari sosio-ekonomi rendah lebih cenderung untuk menggunakan kekerasan seperti hukuman fizikal dan verbal dalam mendidik anak-anak mereka. Untuk itu, Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah kes yang melibatkan penderaan kanak-kanak dan rogol sepanjang tahun 2020 dan 202.

Jadual 1: Peratus Penyelesaian Kertas Siasatan Penderaan Kanak-Kanak Bagi Tahun 2020 Hingga 2021 (Jan – Ogos)

Tahun	**Jum Kertas Siasatan dibuka**	**Dalam Siasatan**	**Kertas siasatan Selesai**				**% Pencapaian**
			Tuduh	**TTF**	**KUS**	**Jumlah Selesai**	
2020	50	4	27	16	3	46	92%
2021	19	11	6	2	0	8	42%
Jumlah	69	15	33	18	3	54	78%
Purata Pencapaian							78%

Jadual 2: Peratus Penyelesaian Kertas Siasatan Rogol Bagi Tahun 2020 Hingga 2021 (Jan – Ogos)

Tahun	**Jum KS dibuka**	**Dalam Sisatan**	**Kertas siasatan Selesai**				**% Pencapaian**
			Tuduh	TTF	KUS	Jumlah Selesai	
2020	93	9	50	21	13	84	90%
2021	56	20	23	5	8	36	64%
Jumlah	149	29	73	26	21	120	81%
PURATA PENCAPAIAN							81%

Nota: Jumlah Kertas Siasatan Dibuka= Kertas siasatan dibuka dan dihantar sehingga kepada pendakwa raya; TTF = Tiada Tindakan Lanjut (Suspek tidak didakwa di mahkamah atas beberapa faktor seperti tiada elemen

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

jenayah, kekurangan bukti, dsb.); KUS = Kemas Untuk Simpan (masih menunggu laporan, tiada tangkapan, dsb)

Berdasarkan statistik tersebut, langkah yang selari dengan perkembangan kanak-kanak perlu dikenal pasti dalam mencegah kes penderaan ini daripada terus meningkat. Noorjannah (2014) menjelaskan bahawa kesan daripada penderaan cenderung untuk mendedahkan kanak-kanak kepada gangguan psikiatri, perkembangan fizikal serta gangguan psikologi. Bukan itu sahaja, Muhammed Sharif dan Nur Diyana (2012) menyatakan sekiranya kanak-kanak tersebut terlibat dengan penderaan seksual ia akan membawa kepada trauma, rasa terancam dan perasaan kecewa sepanjang hidupnya. Selaras dengan itu, ketika musim pandemik COVID-19 ini perkhidmatan kaunseling memainkan peranan yang penting dalam memberi sokongan emosi yang tinggi terhadap kanak-kanak yang berhadapan dengan penderaan seksual. Penyataan ini disokong oleh kajian Muhammed Sharif dan Nur Diyana (2012) yang mendapati bahawa khidmat kaunseling berupaya untuk memberi sokongan emosi kepada kanak-kanak yang merupakan mangsa penderaan seksual dalam mengurangkan tekanan yang dialami oleh mereka

Rentetan itu, kajian ini bertujuan untuk membuat penelitian dengan lebih mendalam dari aspek faktor punca dan intervensi kes-kes penderaan seksual yang diharapkan dapat membuka mata masyarakat dalam memberi perhatian yang serius terhadap isu ini.

3. Metod Kajian

Pendekatan secara kualitatif digunakan bagi menjawab objektif kajian. Pendekatan kualitatif digunakan untuk membantu dalam memperoleh maklumat mendalam dan terperinci melalui temu bual berstruktur. Ini adalah bagi mendapatkan data penderaan kanak-kanak dari aspek punca dan proses atau tatacara intervensi semasa mengendalikan kes penderaan. Responden dipilih secara pensampelan bertujuan iaitu seorang pegawai penyiasat bahagian siasatan seksual wanita dan kanak-kanak yang kini sedang berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur. Responden mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kes bahagian siasatan seksual dan penderaan kanak-kanak selama lima tahun. Soalan temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian bagi mengkaji punca penderaan kanak-kanak sepanjang pandemik COVID-19 dan tatacara bagi menguruskan kes penderaan ini. Dapatan temu bual bersama responden seterusnya ditranskripsikan serta dianalisis menggunakan analisis tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti tema utama yang terhasil.

4. Hasil Kajian

Berikut adalah statistik yang menunjukkan kes penderaan kanak-kanak dan kes rogol yang dilaporkan dalam tempoh dua tahun iaitu dari tahun 2020-2021.

Jadual 3 menunjukkan statistik kertas siasatan yang dibuka bagi kes penderaan kanak-kanak serta kes rogol yang dilaporkan oleh IPD Kuala Lumpur Bahagian Siasatan Seksual dan Penderaan Kanak-kanak dalam tempoh dua tahun iaitu dari tahun 2020 hingga tahun 2021 selaras dengan bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak pandemik COVID-19. Statistik ini telah di ekstrak dan disusun semula oleh pengkaji berdasarkan hasil temu bual bersama pegawai penyiasat. Berdasarkan jadual tersebut, secara umumnya dapat dilihat kes rogol (149) yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun lebih tinggi berbanding kes penderaan kanak-kanak (69) ketika pandemik melanda. Hal ini kerana hasil daripada temu bual tersebut mendapati jenayah yang kerap

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dilakukan oleh kanak-kanak yang juga merupakan murid sekolah adalah hubungan seksual suka sama suka manakala purata bagi kes penderaan kanak-kanak di kawasan Kuala Lumpur sepanjang tempoh pandemik adalah satu kes dalam seminggu. Berikutan daripada hal itu, hasil temu bual juga turut menjelaskan punca yang menyebabkan kes penderaan ini berlaku adalah kerana sifat kanak-kanak yang tidak berdaya untuk melawan pendera dan seterusnya sikap ibu bapa yang melepaskan rasa tertekan dan geram terhadap anak mereka berikutan dengan masalah kewangan yang mereka alami. Selain daripada itu, tingkah laku kanak-kanak yang suka memberontak dan tidak hadir ke kelas PdPR juga merupakan salah satu faktor kes penderaan berlaku sepanjang tempoh pandemik ini. Manakala bagi kes hubungan seksual dalam kalangan kanak-kanak berlaku kerana mereka banyak menghabiskan masa di luar rumah dan tidak hadir ke kelas PdPR kerana perlu bekerja sebagai penunggang *Grab Food* atau *Food Panda* untuk menyara keluarga masing-masing.

Jadual 3: Statistik Jumlah Kertas Siasatan Dibuka dari tahun 2020-2021

Tahun	**Jum Kertas Siasatan dibuka (Penderaan Kanak-Kanak)**	**Jum Kertas Siasatan dibuka (Rogol)**
2020	50	93
2021	19	56
Jumlah	69	149

Seterusnya, bagi aspek intervensi, proses atau tatacara yang boleh diambil sebagai seorang kaunselor ketika mengendalikan kes-kes yang melibatkan penderaan kanak-kanak, pengkaji membahagikan mengikut situasi-situasi yang berikut:

Situasi 1: Kanak-kanak tidak mahu membuat laporan penderaan yang berlaku di rumah kepada polis

Kaunselor perlu membuat penilaian (*assessment*) terhadap *severity* dan *intensity* penderaan tersebut terlebih dahulu, jika terdapat kesan dera yang jelas dan teruk (*severe*) seperti lebam, luka, parut dan sebagainya, kaunselor boleh membuat laporan terus kepada pihak polis seterusnya menjadi saksi kepada kes tersebut dan ia lebih memudahkan proses pertuduhan. Jika kesan dera dilihat sebaliknya (*mild* atau *moderate*), kaunselor boleh berurusan dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana mereka akan memainkan peranan yang penting dalam membuat penilaian dan pantauan berdasarkan tahap penderaan yang dilakukan oleh ibu bapa. Malah, bantuan-bantuan yang berkaitan seperti bantuan kewangan boleh disalurkan oleh pihak JKM jika keluarga tersebut mempunyai masalah kewangan. Seterusnya, jika laporan polis dibuat oleh pihak JKM, pihak polis akan memandang kes penderaan tersebut dari aspek jenayah berdasarkan kandungan laporan dan akan melakukan siasatan. Seterusnya, jika disabitkan kesalahan, pesalah akan dihukum 20 tahun penjara dan didenda RM 50 000. Namun pada kebanyakan masa, kes penderaan tersebut tidak boleh dibawa ke pertuduhan dan akan dikategorikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (TTF) kerana berlakunya *clash of interest* antara polis dan remaja disebabkan sikap murid yang akan menarik diri dan tidak memberikan kerjasama kepada polis kerana tidak mahu ibu bapanya dimasukkan ke penjara. Untuk itu, kaunselor memainkan peranan yang penting dalam memberikan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan untuk membantu kanak-kanak tersebut mendapat keadilan yang sewajarnya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Situasi 2: Penderaan seksual dan kanak-kanak tidak tahu siapa pelaku

Kaunselor boleh membantu kanak-kanak tersebut untuk melalui proses kehamilan remaja (*teenage pregnancy*) dan merujuk kes tersebut kepada pihak JKM untuk mereka memberi bantuan sebagai ibu tunggal atau remaja hamil bawah umur.

Situasi 3: Penderaan seksual dan kanak-kanak tahu siapa pelaku

Kaunselor boleh terus membuat laporan polis dan dalam pada masa yang sama membuat laporan kepada pihak JKM.

Situasi 4: Kes hamil bawah umur (bawah 16 tahun)

Kaunselor boleh membuat laporan polis tanpa kebenaran ibu bapa kerana kes tersebut dikategorikan dalam kes rogol dan pihak polis akan mengambil keterangan dari pelajar dan menghantarnya ke hospital bagi pemeriksaan lanjut. Seterusnya petugas kesihatan di hospital akan berurusan dengan pihak JKM sendiri dan pihak JKM akan membuat susulan (*follow-up*) dengan pelajar tersebut.

Situasi 5: Kes hamil bawah umur namun ibu bapa tidak mahu membuat laporan polis

Kaunselor memainkan peranan untuk lebih tegas dalam membimbing dan mendidik ibu bapa seterusnya menjelaskan situasi tersebut kepada mereka

Situasi 6: Kes hamil bawah umur namun pihak sekolah ingin menjaga reputasi sekolah

Kaunselor boleh membawa pelajar tersebut ke hospital di bawah kes *teenage pregnancy* dan jelaskan kepada petugas kesihatan tentang situasi di sekolah. Seterusnya, petugas kesihatan sendiri akan membuat laporan kepada pihak polis kerana itu adalah *Safety Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh mana-mana hospital. Selain itu, kaunselor juga boleh terus membuat laporan kepada pihak JKM dan mereka akan membawa pelajar tersebut ke hospital dan membuat laporan polis.

5. Perbincangan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, penderaan kanak-kanak yang berlaku di sekitar kawasan Kuala Lumpur sepanjang tempoh pandemik ini adalah disebabkan sikap ibu bapa yang menempiaskan rasa tertekan terhadap kanak-kanak yang berpunca daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh mereka. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ghosh et al. (2020) yang menjelaskan bahawa kerisauan ibu bapa terhadap masalah kewangan dan kesihatan telah menyebabkan mereka sukar mengawal emosi marah lalu melepaskan amarah tersebut terhadap kanak-kanak. Malah, dapatan ini turut disokong oleh Nor Hamizah dan Abdul Rashid (2020) yang menjelaskan bahawa wabak pandemik ini telah memberi kesan yang amat dahsyat kepada seluruh dunia dari aspek kewangan, ekonomi dan kesihatan.

Namun begitu, tatacara dan proses yang dijelaskan secara terperinci mampu membantu kaunselor serta pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha untuk mencegah kes ini daripada terus meningkat. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nabilah, Norsaleha dan Zuliza (2020) menjelaskan elemen kesejahteraan keluarga Islam seperti pengamalan nilai-nilai moral oleh ahli keluarga, hubungan yang baik antara ibu bapa dan anak serta ibu bapa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menjadi contoh yang baik kepada anak adalah tiga elemen tertinggi dalam usaha untuk mencegah penderaan seksual terhadap kanak-kanak daripada berlaku. Kajian tersebut turut disokong oleh penyataan dari Mohamad Nurul, Aisyah, Siti Fatimah dan Zawawi (2021) yang menjelaskan bahawa kaunseling Islam yang menerapkan pendekatan hikmah dan perbincangan yang baik mampu menangani masalah kerisauan dan kemurungan yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Dalam hal ini, ibu bapa perlu mengambil inisiatif mendapatkan bantuan pakar bagi menyelesaikan isu kesihatan mental yang dihadapi supaya mereka berupaya untuk mengawal emosi dengan lebih baik. Di samping itu, masyarakat juga memainkan peranan dalam menunjukkan sikap prihatin terhadap jiran masing-masing agar laporan dapat segera dilakukan kepada pihak berkuasa dalam mencegah kes penderaan daripada terus berlaku terutamanya semasa pandemik kerana jiran merupakan orang yang paling hampir dengan mangsa dan pemangsa (Norsaleha et al., 2020).

Dalam hal ini, semua pihak perlu berganding bahu dalam usaha untuk membanteras kes penderaan terhadap golongan kanak-kanak agar mereka berupaya untuk mencapai kesejahteraan dalam kehidupan dan berkembang dengan baik. Hal ini kerana menurut Noorjannah (2014) kesan penderaan jika tidak dirawat akan mengakibatkan mangsa menyimpan dendam, malah lebih memburukkan keadaan adalah apabila mangsa mengandaikan bahawa penderaan terhadap kanak-kanak sebagai satu amalan atau perbuatan yang normal dan tidak salah. Hal ini akan menyebabkan perkara yang sama berulang kepada anak-anak mereka jika mereka tidak mendapat rawatan psikologi dengan segera. Malah, penyataan ini turut disokong oleh kajian Noor Zanariah (2015) yang mendapati pembangunan emosi dan tingkah laku kanak-kanak akan terjejas seandainya mereka terlibat dengan keganasan dan penderaan dalam jangka masa yang panjang.

6. Kesimpulan

Secara umumnya, kes penderaan terhadap kanak-kanak yang merangkumi penderaan fizikal mahupun seksual semasa wabak pandemik melanda negara Malaysia ini berlaku disebabkan pelbagai faktor. Dalam hal ini, ia melibatkan punca daripada pendera iaitu sikap ibu bapa dan sikap mangsa sendiri iaitu kanak-kanak. Rentetan itu, isu ini sewajarnya mendapat perhatian masyarakat dan seluruh pihak dalam usaha untuk mencegah kes ini daripada terus meningkat memandangkan tempoh pandemik kelihatan tiada penghujungnya. Bukan itu sahaja, inisiatif dan intervensi daripada setiap individu mahupun anggota masyarakat perlu diperkasakan seperti pengamalan nilai-nilai agama yang melibatkan penghayatan amar makruf nahi mungkar perlu dipupuk dalam usaha untuk melahirkan keluarga sejahtera seterusnya membendung kes penderaan kanak-kanak daripada terus berlaku.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan terima kasih diberikan kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Artikel ini dihasilkan daripada peruntukan kajian geran penyelidikan untuk penerbitan buku, Universiti Sains Malaysia, 1001.PGURU.8090004.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

Alavi, K., Aizan Sofia, A., Subhi, N., Mohamad, M. S., & Sarnon, N. (2012). Kerja Sosial Di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, *7*(1), 17–37. http://journalarticle.ukm.my/2820/

Ghosh, R., Dubey, M. J., Chatterjee, S., & Dubey, S. (2020). Impact of COVID -19 on children: special focus on the psychosocial aspect. *Minerva Pediatrica*, *72*(3). https://doi.org/10.23736/s0026-4946.20.05887-9

Akta kanak-kanak 2001 (Akta 611) (2001). (Malasyia).

Mohamad Nurul Hafiz, A. L., Aisyah, D., Siti Fatimah, S., & Zawawi, Y. (2021). Analisis Pendekatan Kaunseling Islam Dalam Menangani Isu Kemurungan Semasa Pandemik Covid 19. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, *1*(3), 26–35. https://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/47

Muhammed Sharif, M., & Nur Diyana, A. R. (2012). Kesan Psikologi Dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, *6*, 30–49. http://eprints.utm.my/id/eprint/26360/2/JEPC-06-2012-003.pdf

Nabilah Huda, Z., Norsaleha, M. S., & Zuliza, M. K. (2020). Elemen Kesejahteraan Keluarga Islam Dalam Menangani Penderaan Seksual Kanak-Kanak. *Jurnal Pengajian Islam*, *13*(2), 35–49. https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/42

Noorjannah. (2014). *Intervensi Penderaan Kanak-Kanak: Penderaan Emosi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Noor Zanariah. (2015). Penderaan Kanak-Kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, *7*(2), 66–80. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1709

Nor Hamizah, A. R., & Abdul Rashid, A. (2020). *Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu*. Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020). https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6841

Norsaleha, M. S., Noor Hafizah, Zetty Nurzuliana, R., Kamal Azmi, A. R., Norbahiah, M., & Nabilah Huda, Z. (2020). *Faktor Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).